

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 JULY 2016

# Tun M gagal permohonan soal balas Najib

BH- 28/7/2016

→ Hakim dapati tiada keperluan untuk benarkan PM disoal balas berhubung afidavit sokongan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**ahkamah Tinggi di sini, menolak permohonan Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua lain untuk memanggil dan menyoal balas Datuk Seri Najib Razak berhubung afidavit sokongan Perdana Menteri bagi membatalkan saman dikemukakan terhadapnya.

Saman itu difailkan Mahathir, bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas ahli UMNO Langkawi, Anina Saadudin dengan mendakwa Najib melaku-

kan perbuatan salah laku dalam jawatan awam berhubung siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan dana 2.6 billion.

Hakim Abu Bakar Jais membuat keputusan itu dalam kamar beliau yang dihadiri peguam, Datuk Mohd Hafarizam Harun mewakili Najib dan Mohamed Haniff Khatri Abdullah bagi Mahathir, Khairuddin dan Anina.

## Tiada keperluan lagi

Mohd Hafarizam ketika ditemui selepas prosiding berkata, hakim membuat keputusan itu selepas mendapati tiada keperluan pada peringkat ini untuk membenarkan Najib disoal balas berhubung afidavit sokongan beliau.

Beliau berkata, mahkamah mendapati penegasan Najib dalam afidavit sokongan itu memabitkan isu penjawat awam adalah jelas dan Perdana Menteri tidak perlu dipanggil untuk disoal balas.

Katanya, mahkamah menyatakan Mahathir boleh membangkitkan isu itu ketika pendengaran permohonan Najib untuk membatalkan saman berkenaan.

Mahkamah kemudian menetapkan pada 4 Ogos ini bagi pengu-rusan kes.

Dalam permohonan mereka untuk menyoal balas Najib, Mahathir, Khairuddin dan Anina memberikan alasan bahawa Najib mengeluarkan kenyataan yang samar,

bercanggah dan tidak konsisten dengan fakta dalam afidavit sokongannya bagi membatalkan saman mereka.

## Sengaja ganggu siasatan

Dalam saman yang difailkan pada 23 Mac lalu, mereka mendakwa Najib sengaja mengganggu siasatan berhubung 1MDB dan syarikat berkaitan, serta siasatan aliran masuk wang RM2.6 bilion dan RM42 juta daripada SRC International ke dalam akaun peribadinya.

Plaintif mendakwa Najib menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO bagi melakukan salah laku itu.